

UiNVEST-SSTC meteri kerjasama, tawar program berkaitan perladangan

NST 28.3.2018 4

KOTA KINABALU: Syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Investment Holdings Sdn Bhd. menandatangani Perjanjian Kerjasama bersama Kolej Sabah Skills & Technology Centre (SSTC) bagi mengukuhkan kerjasama dalam program Sijil Pengurusan Perladangan dan Kemahiran Industri dalam Pengurusan Agro-Bisnes.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UiNVEST, Ramlan Awang Ali berkata, perjanjian kerjasama itu dilihat sebagai salah satu usaha memantapkan pembangunan pendidikan dan kemahiran kepada golongan belia di Sabah.

“Ini juga selaras dengan matlamat kerajaan negeri ke arah pembangunan kemahiran industri yang lebih kompeten dan berdaya saing.

“Usahasama ini merupakan langkah untuk menggalakkan penglibatan golongan muda di Sabah agar mempunyai kepakaran dan pengetahuan teknikal bekerja dalam bidang perladangan dan agro pertanian,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, kelmarin.

Majlis menandatangani itu diadakan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) di sini, baru-baru ini.

Ramlan berkata, menerusi program itu juga, ia akan meningkatkan pengetahuan para

pelatih melalui pembelajaran berasaskan pengalaman kerja.

“Pada masa yang sama, pelatih akan dilatih menjadi pekerja profesional dan terlatih kerana amalan sebenar persekitaran kerja dalam industri akan didedahkan kepada mereka sepanjang pengajian.

“Kedua-dua program kemahiran ini akan melibatkan tempoh pengajian selama setahun di SSTC,” tambahnya sambil menyifatkan pengajian itu amat bersesuaian untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang setaraf atau lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan yang setaraf.

Ramlan turut memberi contoh negara Jepun, Australia dan Belanda yang menjadikan aktiviti perladangan dan pertanian sebagai salah satu sumber pendapatan utama.

“Berdasarkan pencapaian negara-negara berkenaan, terbukti bahawa bidang pertanian adalah salah satu bidang yang menjanjikan peluang pekerjaan luas sekali gus menafikan tanggapan segelintir pihak yang berpikiran bahawa pertanian sebagai pekerjaan kelas kedua.

“Justeru, saya ingin menyeru kepada masyarakat khususnya generasi muda supaya merebut peluang terhadap program-program



PERJANJIAN...Ramlan (depan dua dari kiri) memeterai perjanjian bersama Natalie (depan dua dari kanan). Turut kelihatan Yusak (depan tepi kiri) dan Jennifer (depan tepi kanan).

yang ditawarkan nanti termasuk mereka yang tidak berjaya menerima tawaran dari mana-mana universiti,” katanya.

Pada majlis itu SSTC diwakili pengarahnya Natalie Fung serta Pengurus Latihan, Jennifer Michael.

Hadir sama, Pengurus Besar Kumpulan UiNVEST, Yusak Yumboris @ Misek; Ketua UMS Centre For Profesional Development (UCPD), Mohd Hamdan Ruhimin; dan Ketua Seksyen Pemasaran dan Promosi UiNVEST, Nerwani Shereen Halik.